

KKM jangka kes COVID-19 naik ketika raya

Zatul Iffah Zolkifly - April 16, 2022 @ 6:09pm
zatuliffah@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Jumlah kes COVID-19 dijangka meningkat pada musim perayaan Aidilfitri susulan kepulangan serentak warga kota ke kampung halaman.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata risiko jangkitan akan meningkat berikutan pergaulan antara keluarga dan saudara mara ketika menyambut perayaan itu nanti.

"Ini raya (Aidilfitri) pertama kita boleh rentas negeri dalam tempoh dua tahun yang mana keluarga yang ramai akan balik sekali, mungkin bila kita bagi kebenaran rentas negeri, mungkin seorang dua yang balik tetapi kini semua akan balik serentak.

"Ya, memang betul raya ini kita jangka akan meningkat kes terutamanya bila balik nanti dia akan bergaul antara saudara mara dia.

"Dia tidak akan pakai mask (pelitup muka), jadi ada risiko naik, jadi kita (Kementerian Kesihatan) bersedia untuk memberi rawatan kepada mereka kalau gejala dia teruk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) sempena Lawatan Kerja ke Terengganu di sini hari ini.

Dalam pada itu, Khairy merayu warga emas terutama mereka yang menghidap penyakit tekanan darah tinggi, diabetes dan sistem imun yang lemah untuk mengambil dos penggalak bagi melindungi diri.

Beliau berkata, setakat ini, hanya 77 peratus individu berusia 60 tahun ke atas menerima dos penggalak dan pihaknya menyasarkan lebih 90 peratus golongan terbabit akan mengambil suntikan berkenaan.

"Kalau dahulu mereka mungkin beri alasan tidak mahu ambil kerana tidak pergi ke mana-mana tetapi hari raya ini anak (yang berada di perantauan) akan balik, jadi lebih kita ambil dos penggalak itu.

"Jadi saya harap sebulan dua ini dapat capai ke peringkat 90 peratus kalau kesedaran dalam kalangan warga emas terutamanya bila dia tahu raya ini anak dia akan balik, dia sendiri sukarela untuk melindungi diri mereka

"Kita akan usahakan untuk kita sampai ke sasaran 90 peratus warga emas dapat dos penggalak," katanya.



Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin (kanan) beramah mesra bersama kanak-kanak yang akan mengambil suntikan vaksin ketika meninjau Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Klinik Hijraa Kuala Nerus sempena Lawatan Kerja di Terengganu hari ini. Foto NSTP/Ghazali Kori